

Kempen “Pandu Impianmu, Gen Labur!”

Soalan Lazim

No.	Soalan	Jawapan														
1.	Apakah peluang yang disediakan oleh kempen ini kepada saya?	Kempen <i>Pandu Impianmu, Gen Labur!</i> ini menawarkan anda peluang untuk memenangi hadiah lumayan, termasuk 3 kereta baharu, hanya dengan melabur minimum RM500 dalam satu transaksi bersama ASNB sepanjang tempoh kempen. Setiap transaksi akan melayakkan anda menerima satu tiket penyertaan, dan selagi baki akaun anda meningkat sekurang-kurangnya RM500 pada akhir tempoh kempen, anda berpeluang menjadi antara pemenang bertuah.														
2.	Apakah hadiah yang disediakan untuk kempen ini?	<table><tr><th>Kategori</th><th>Hadiah</th></tr><tr><td>Hadiah Utama</td><td>BMW i4 Gran Coupé</td></tr><tr><td>Hadiah Kedua</td><td>Ford Ranger XLT Plus</td></tr><tr><td>Hadiah Ketiga</td><td>BYD Atto 2</td></tr><tr><td>Hadiah Keempat</td><td>Vespa Primavera S 150</td></tr><tr><td>Hadiah Kelima</td><td>Pakej Tiga (3)-hari Dua (2)-malam di Park Hyatt Kuala Lumpur</td></tr><tr><td>Hadiah Keenam</td><td>RM1,000.00 di dalam unit amanah ASNB</td></tr></table>	Kategori	Hadiah	Hadiah Utama	BMW i4 Gran Coupé	Hadiah Kedua	Ford Ranger XLT Plus	Hadiah Ketiga	BYD Atto 2	Hadiah Keempat	Vespa Primavera S 150	Hadiah Kelima	Pakej Tiga (3)-hari Dua (2)-malam di Park Hyatt Kuala Lumpur	Hadiah Keenam	RM1,000.00 di dalam unit amanah ASNB
Kategori	Hadiah															
Hadiah Utama	BMW i4 Gran Coupé															
Hadiah Kedua	Ford Ranger XLT Plus															
Hadiah Ketiga	BYD Atto 2															
Hadiah Keempat	Vespa Primavera S 150															
Hadiah Kelima	Pakej Tiga (3)-hari Dua (2)-malam di Park Hyatt Kuala Lumpur															
Hadiah Keenam	RM1,000.00 di dalam unit amanah ASNB															
3.	Bilakah tempoh kempen ini?	Kempen ini berlangsung selama 7 bulan, dari 1hb September 2025 hingga 31hb Mac 2026.														
4.	Siapakah yang layak menyertai kempen ini?	Semua! Kecuali kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan Syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB).														

5.	Bagaimana untuk mendaftar bagi menyertai kempen ini?	Hanya imbas kod QR yang terdapat pada semua bahan pemasaran kami > isi borang (tak sampai 10 saat pun untuk lengkapkan) > SELESAI! Atau, jika anda merancang untuk melabur melalui aplikasi atau laman web myASNB, anda hanya perlu masukkan kod promosi “GENLABUR” pada ruangan promo code.
6.	Perluah saya mendaftar setiap kali saya melakukan transaksi?	Tidak. Anda hanya perlu mendaftar sekali sahaja, sama ada melalui kod QR atau kod promosi.
7.	Selepas berdaftar, apa perlu saya lakukan untuk menang?	Anda perlu melabur. Dengan hanya melabur RM500 dalam satu transaksi di mana-mana unit amanah ASNB, anda akan menerima 1 tiket cabutan bertuah. Lebih kerap anda melabur, lebih banyak tiket yang anda kumpul.
8.	Di mana saya boleh melabur?	Di mana-mana saluran dan platform pengedaran ASNB – myASNB, bank ejen, atau cawangan ASNB.
9.	Saya faham pelaburan minimum ialah RM500 dalam satu transaksi untuk mendapatkan 1 tiket cabutan bertuah. Jika saya melabur RM5,000 dalam satu transaksi, adakah saya akan dapat 10 tiket?	1 transaksi (min RM500) = 1 tiket. Jika anda melabur RM500 dalam satu transaksi, anda akan dapat 1 tiket. Jika anda melabur RM5,000 dalam satu transaksi, anda juga hanya akan dapat 1 tiket.
10.	Jika saya melabur dalam banyak transaksi, contohnya: 1. RM5,000 pada bulan September; dan 2. RM5,000 pada bulan Oktober; dan 3. RM1,000 pada bulan November; Saya sudah ada 3 tiket, betul?	Betul.

11.	Jika saya ada pelaburan bulanan berulang seperti Auto Labur, atau Skim Potongan Gaji, adakah saya layak?	Ya! Pastikan sahaja jumlah minimum RM500 dalam satu transaksi.
12.	Adakah pelaburan melalui SPA-KWSP termasuk? Bagaimana pula dengan pinjaman ASBf?	Ya – SPA-KWSP dan ASBf termasuk!
13.	Adakah kempen ini terhad kepada unit amanah ASNB tertentu sahaja?	Tidak, kempen ini terbuka kepada semua unit amanah ASNB (tertakluk kepada ketersediaan unit dalam unit amanah yang berkenaan).
14.	Adakah agihan pendapatan, “switching-in” dan “transfer-in” dikira sebagai pelaburan?	Tidak.
16.	Bolehkah saya mengeluarkan sebarang jumlah pelaburan sepanjang tempoh kempen?	Ya, tetapi anda perlu pastikan baki akaun keseluruhan anda menunjukkan peningkatan sekurang-kurangnya RM500 pada akhir tempoh kempen untuk berpeluang menjadi salah seorang pemenang bertuah.
17.	Bagaimana pemenang ditentukan?	Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem cabutan bertuah komputer ASNB pada akhir tempoh kempen – jadi semua orang mempunyai peluang yang sama!